

Kertas 1


9.1 Usaha Rundingan Kemerdekaan

- 1 Gambar berikut menunjukkan wakil Raja-raja Melayu dan wakil Parti Perikatan.



Apakah peristiwa bersejarah yang boleh dikaitkan dengan gambar tersebut? **BT m.s. 217 TP1 ARAS: R**

- A Perjanjian London
B Rombongan Merdeka ke London
C Majlis Perundangan Persekutuan
D Kabinet Pertama Persekutuan Tanah Melayu
- 2 Peristiwa berikut berlaku pada tahun 1956.



Siapakah yang terlibat dalam peristiwa tersebut?

Buku Teks: m.s. 216-218 TP1 ARAS: R

- A Wakil British C Tunku Abdul Rahman
B Ahmad Boestaman D Sheikh Abdullah Fahim

- 3 Apakah perkara yang telah dipersetujui dalam Perjanjian Kemerdekaan Tanah Melayu pada 8 Februari 1956?

BT m.s. 218 TP2 ARAS: S KLOM SPM 2022

- A Pembentukan Suruhanjaya Perlembagaan
B Kerjasama ekonomi dengan kerajaan British
C Memansuhkan jawatan Menteri Kewangan
D Kerajaan Persekutuan tidak perlu membayar ganti rugi kepada British

9.2 Peranan Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu

- 4 Berdasarkan persetujuan di London dan dengan persetujuan Raja-raja Melayu, satu suruhanjaya telah dibentuk pada 8 Mac 1956.

Apakah peranan suruhanjaya tersebut?

BT m.s. 220 TP4 ARAS: S

- A Merangka Perlembagaan Persekutuan
B Membincangkan tarikh kemerdekaan
C Mencadangkan bentuk pentadbiran kerajaan
D Menggubal undang-undang Persekutuan Tanah Melayu

- 5 Antara berikut, tokoh manakah yang menganggotai Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu?

BT m.s. 221 TP2 ARAS: R

- I Hakim B. Malik III Sir Edward Gent
II Gerald Templar IV Sir William Ivor Jennings
A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

- 6 Bagaimanakah Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu mendapatkan pandangan penduduk pelbagai kaum dalam usaha merangka Perlembagaan Persekutuan?

BT m.s. 221 TP4 ARAS: S

- I Menjalankan kaji selidik
II Membuat lawatan ke setiap komuniti
III Mengadakan persidangan tentang pelbagai isu
IV Menerima memorandum bertulis daripada pelbagai pihak
A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

9.3 Langkah Penggubalan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang Merdeka

- 7 Apakah tuntutan yang dikemukakan oleh kaum Cina melalui memorandum kepada Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu? **BT m.s. 222 TP4 ARAS: S**

- A Mempertahankan hak kaum Cina
B Mengekalkan sekolah vernakular
C Membubarkan sekolah aliran Inggeris
D Mengetatkan syarat kewarganegaraan

- 8 Apakah reaksi pemimpin Melayu terhadap draf Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu?

BT m.s. 223 TP4 ARAS: S

- A Bersetuju sekolah vernakular diteruskan
B Tidak bersetuju dengan syarat kewarganegaraan
C Membantah pelantikan Yang di-Pertuan Agong sebagai ketua negara
D Menerima cadangan mempelajari semua bahasa di sekolah kebangsaan

9.4 Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu

- 9 Maklumat berikut berkaitan dengan satu perjanjian yang ditandatangani pada 5 Ogos 1957.

- Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957
- Ditandatangani antara Raja-raja Melayu dengan wakil Queen Elizabeth II

Apakah kepentingan perjanjian tersebut?

BT m.s. 224 TP4 ARAS: S

- A Panduan ke arah berkerajaan sendiri
B Asas bagi membentuk perlembagaan
C Mempercepatkan proses kemerdekaan
D Mengandungi dasar pendidikan kebangsaan

- 10 Bagaimanakah kewarganegaraan dapat diperoleh berdasarkan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu?

BT m.s. 224 TP4 ARAS: S

- I Kuat kuasa undang-undang
II Memohon didaftarkan sebagai rakyat
III Bekerja di jabatan kerajaan Persekutuan
IV Melalui perkahwinan dengan penduduk tempatan
A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV